

Peniaga kecil Padang Besar mengalukan jaminan Dr. M

KANGAR, Isnin — Para peniaga dan penduduk Padang Besar hari ini mengalu-alukan jaminan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa pekan sempadan itu tidak akan terjejas oleh pembinaan Lebuhraya Changloon-Butterworth dan bandar baru Laka Temin di sempadan Kedah/Thailand.

Mereka juga menyambut baik cadangan Timbalan Perdana Menteri supaya para pelancong yang mem-

belibelah di sana tidak dikenakan cukai yang berat bagi barang-barang kegunaan sendiri untuk menggalakan kedatangan mereka.

Sejak pengumuman Kerajaan hendak membina lebuhraya dan bandar baru tersebut, orang ramai terutama peniaga di Padang Besar khuatir punca pendapatan mereka dari perniagaan barang-barang runcit secara kecil-kecilan akan "tertutup".

Mereka khuatir apabila kedua projek tersebut siap, pelancong Malaysia dan Negeri Thai akan melintasi Padang Besar, sebaliknya bertumpu ke sana kerana keadaannya lebih sempurna dan teratur.

Dalam kenyataannya semasa melawat pagar kelamatan di Padang Besar kelmarin, Datuk Seri Dr. Mahathir mengesyorkan Kerajaan Negeri mendirikan tempat-tempat perniagaan yang teratur dan kemas bagi menggantikan gerai-gerai usang yang ada sekarang.

Katanya, oleh kerana persaingan kemajuan di pekan-pekan sempadan lain tidak dapat dielakkan, Kerajaan hendaklah merancang usaha-usaha bagi menarik minat para pelancong ke Padang Besar dengan menggunakan daya menarik yang sedia ada.

Jalan-jalan hendaklah dibina dan kebersihan alam sekitar diberi perhatian bagi menyenangkan pelawat, tam-

bahnya.

Wakil Rakyat di sini, yang meliputi Padang Besar, Encik Goh Eng Toon, berkata kelonggaran cukai ke atas pelancong yang membeli belah barang-barang keperluan sendiri akan menarik minat lebih ramai orang melawat ke sana.

Katanya, tanpa galakan-galakan seperti itu, mereka sudah pasti akan bertumpu ke pekan-pekan sempadan yang lain seperti di Kedah yang dibina dengan perancangan teliti serta mempunyai kedai-kedai yang teratur dan jalan yang selesa.

Encik Goh berkata satu lagi galakan ialah melonggarkan syarat pemeriksaan imigresen ke atas para pelawat ke Pekan Siam yang terletak di kawasan Malaysia.

Ketua UMNO Cawangan Padang Besar, Encik Mohamad Noor bin Haji Mohamad Zain, menyokong cadangan supaya tempat-tempat perniagaan yang teratur dibina di Padang Besar untuk peniaga-peniaga.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia